



## CEKD bermula cemerlang di bursa

**CEKD** Bhd (CEKD) memulakan dagangannya di Pasaran ACE Bursa Malaysia semalam pada harga 60 sen, premium sebanyak 12 sen atau 25 peratus daripada harga tawaran 48 sen.

Semasa dagangan dibuka, kaunter penyedia rumusan pemotongan acuan dan pengeluar acuan pemotong serta pedagang alatan dan aksesori boleh digunakan itu menyaksikan 6.28 juta saham bertukar tangan.

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif CEKD, Datuk Zulkifli Adnan, berkata syarikat amat gembira dengan pencapaian hari pertama penyenaian dan berbesar hati dengan penerimaan pelabur terhadap tawaran awam permulaan (IPO) berkenaan.

Katanya, sebagai peneraju dalam penyediaan rumusan bagi acuan pemotong di Malaysia, beliau percaya IPO akan memberikan lebih ketrampilan dan membantu CEKD memperluaskan perluasan perniagaannya.

"Ia akan membantu kami mengekalkan pelanggan di Malaysia, juga meneroka pasaran lain di Asia Tenggara dan Asia Barat.

"Sebagai satu-satunya pakar acuan pemotong di Asia Tenggara yang diperakui oleh Bobst Mex SA, iaitu peneraju global dalam pembekalan mesin dan perkhidmatan kepada industri pembungkusan dari Switzerland, kami merancang meluaskan operasi serta perkhidmatan pembuatan di pasaran sedia ada, di samping mengukuhkan kedudukan di Asia Tenggara dan Asia Barat," katanya.